



## SIARAN AKHBAR

### **RM1.5 JUTA NILAI GERAN TELAH DILULUSKAN KEPADA 20 SYARIKAT PERUSAHAAN KECIL KAUM INDIA**

---

**KUALA LUMPUR, 27 November 2024** – Sehingga 25 November 2024, kumpulan pertama penerima sebanyak 20 syarikat telah diluluskan geran bernilai hampir RM1.5 juta manakala 61 permohonan lagi sedang dinilai bagi memastikan mereka memenuhi semua syarat kelayakan yang telah ditetapkan dan penerima kumpulan seterusnya akan menyusul kemudian. Lebih 70 perusahaan kecil milikan usahawan India dijangka menerima bantuan kewangan berjumlah RM6 Juta melalui *Business Accelerator Programme for Indian Small Business (I-BAP)* oleh SME Corp. Malaysia, agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP).

Program I-BAP yang telah diumumkan oleh YB Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan, Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi pada 27 September yang lalu menawarkan Geran Padanan sehingga RM100,000 bagi membantu perusahaan kecil milikan usahawan India meningkatkan kapasiti dan keupayaan serta prestasi perniagaan. Bantuan ini merangkumi perbelanjaan untuk perolehan mesin dan peralatan bagi meningkatkan kualiti produk serta produktiviti dan kecekapan pengeluaran, adaptasi ICT dan eDagang, penerapan amalan Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG), pensijilan produk dan pelaksanaan aktiviti pemasaran serta promosi.

YB Dato' Sri Ramanan Ramakrishnan dalam kenyataannya kepada media memaklumkan, “Peruntukan khusus untuk usahawan India melalui I-BAP membuktikan komitmen dan kesungguhan Kerajaan dalam meningkatkan pembangunan komuniti India sejajar dengan kerangka Ekonomi MADANI yang mensasarkan pertumbuhan ekonomi negara yang lebih saksama dan inklusif. Dengan bantuan yang diterima, saya berharap agar usahawan India dapat meningkatkan kecekapan dan produktiviti bagi menambah hasil jualan dan keuntungan perniagaan mereka dan seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.”

Sementara itu, Encik Rizal bin Dato' Nainy, Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp. Malaysia menyatakan, "Dengan komitmen berjumlah RM6 juta ini, permohonan I-BAP telah ditutup secara rasmi pada 31 Oktober 2024. Selain peruntukan tambahan di bawah I-BAP, sebanyak RM4.75 juta bantuan kewangan dalam bentuk geran turut diluluskan oleh SME Corp. Malaysia kepada 74 Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) milikan usahawan India melalui program *Business Accelerator Programme* (BAP) 3.0 dan Geran Perniagaan Mikro (GPM)".

Untuk mengetahui maklumat terkini mengenai bantuan-bantuan yang disediakan oleh SME Corp. Malaysia, PMKS boleh melayari laman sesawang di pautan [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my) dan saluran media sosial rasmi SME Corp. Malaysia.

**- TAMAT -**

## **Tentang SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) yang berperanan sebagai pusat pengumpulan dan rujukan setempat bagi maklumat dan khidmat nasihat Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS). SME Corp. Malaysia juga menyelaras program pembangunan PMKS di Malaysia, menjalankan penilaian ekonomi dan pengakreditasian PMKS, serta melaksanakan program pembangunan perniagaan dan fasilitasi akses PMKS kepada pasaran dalam dan luar negara.

Bermula pada 2 Mei 1996, SME Corp. Malaysia dahulunya dikenali sebagai Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC), bermatlamat membangunkan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) Malaysia yang berkeupayaan dan berdaya tahan agar mampu berdaya saing di pasaran global. Pada tahun 2007, SMIDEC telah diberi mandat oleh Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk menggubal dasar dan strategi menyeluruh bagi PKS dan memacu program PKS merentasi Kementerian dan Agensi. Sehubungan itu, SMIDEC telah dijenamakan semula secara rasmi sebagai SME Corp. Malaysia pada 2 Oktober 2009.

### **PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)**

Aras 6, Blok B, Platinum Sentral  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Tel : 603-9213 0077  
Faks : 603-2775 6001  
E-mel : [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)  
Laman sesawang: [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my)

**Pengarah**  
**Bahagian Komunikasi Korporat**  
**(U.P. : Pn. Suraini Mohamad Sulaiman)**  
**Tel : 03-2775 6290**  
**E-mel : [suraini@smecorp.gov.my](mailto:suraini@smecorp.gov.my)**